



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025

Tingkatan 5
Bahasa Melayu
Kertas 1
2 jam

1103/1

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. *Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
5. *Calon yang didapati meniru boleh dikenakan tindakan tatatertib.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A
[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Maklumat di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan kelebihan-kelebihan perbelanjaan tanpa tunai dalam kalangan masyarakat.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **kelebihan-kelebihan perbelanjaan tanpa tunai**.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**

Perbelanjaan tanpa tunai wujud apabila semua wang fizikal (tunai, cek, dan syiling) digantikan sepenuhnya dengan mata wang digital. Seiring dengan peralihan dan kemajuan teknologi, rakyat Malaysia dapat memanfaatkan pembayaran tanpa tunai dengan menggunakan pelbagai saluran seperti *JomPAY*, *FPX*, *MyDebit*, dan *Direct Debit*.



Mudahkan ! Anda tidak perlu membawa wang tunai yang banyak.



menjimatkan masa pengguna



Bahagian B
[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1. Semangat patriotisme penting untuk mewujudkan negara bangsa yang bersatu padu dalam kepelbagaian bangsa, kaum, agama dan latar belakang. Oleh itu, usaha memupuk semangat patriotisme sejak dari sekolah perlu dilaksanakan untuk memastikan generasi muda mempunyai semangat cinta akan negara yang teguh. Selain itu, ibu bapa memainkan peranan memupuk semangat patriotik dalam sanubari anak-anak. Kerajaan juga perlu menjalankan kempen besar-besaran melalui media massa.

Sumber: www.bharian.com

Berdasarkan petikan tersebut, huraikan usaha memupuk semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda.

2. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyalurkan bantuan kepada koperasi sekolah di Malaysia untuk membantu koperasi dapat berkembang dengan baik. Menteri, Datuk Ewon Benedict mengatakan bahawa melalui koperasi dapat mengasah bakat keusahawanan dalam kalangan pelajar, menyumbangkan dana untuk pembangunan sekolah dan memudahkan warga sekolah bagi mendapatkan barangan dan perkhidmatan. Oleh itu, pihak pentadbir dan pengurusan koperasi sekolah hendaklah berusaha memajukan koperasi sekolah.

Sumber: Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kebaikan koperasi sekolah kepada pelajar dan warga sekolah

3. Trend 'healing' atau rehat minda melalui aktiviti melancong semakin popular sama ada dilakukan secara individu ataupun bersama-sama keluarga. Namun begitu, masih ada yang menganggap melancong hanyalah sesuatu yang membuang masa dan wang semata-mata untuk berseronok. Melancong sebenarnya mempunyai pelbagai manfaat seperti menghilangkan stres.

Sumber: Internet

Huraikan kebaikan melancong berdasarkan petikan berserta kebaikan-kebaikan lain.

4. Sektor penternakan merupakan salah satu sektor penting yang mendapat tumpuan dalam perdagangan dunia kerana sektor ini merupakan pembekal makanan dan sumber bahan mentah kepada penduduk dunia. Namun begitu, ramai dalam kalangan masyarakat kita terutamanya golongan muda masih tidak berminat untuk menceburkan diri dalam sektor ini, padahal sektor ini mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan.

Dipetik dan diubah suai daripada
 “Kemajuan Sektor Penternakan di Malaysia”,
 Oleh M.Anem, animcrag.blogspot.com

Sebagai respons pernyataan tersebut, huraikan langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk menarik minat golongan muda menceburi bidang penternakan.

SOALAN TAMAT